

Sultan Baginda Omar: Pencetus Perkembangan Kegiatan Ekonomi Perusahaan di Terengganu Pada Abad ke-19

Sultan Baginda Omar: The Catalyst to Terengganu Economics Enterprise in the 19th Century

NORAZILAWATI ABD WAHAB, RUZAINI SULAIMAN@ABD. RAHIM, ARBA'YAH MOHD NOOR & MOHD FIRDAUS ABDULLAH*

ABSTRAK

Perkembangan ekonomi di Terengganu pada abad ke-19 dilihat unik ekoran turut mementingkan ekonomi lain seperti ekonomi perusahaan. Perusahaan yang merujuk kepada satu bentuk hasil kerja yang menggunakan tangan sepenuhnya merupakan antara kepakaran masyarakat Melayu di Terengganu ketika itu. Hasilnya, pelbagai kegiatan perusahaan berjaya berkembang seperti kegiatan perusahaan tekstil, tembaga dan perahu. Situasi ini menunjukkan bahawa pemerintah Terengganu pada ketika itu yang merujuk kepada Sultan Baginda Omar telah menyedari kepentingan ekonomi dari bawah dalam melengkapi kebergantungan ekonomi yang sedia ada seperti perdagangan, pertanian dan perikanan. Malah, ia juga menunjukkan bahawa baginda merupakan seorang pemimpin yang berpandangan jauh dan mengambil berat terhadap kebijakan masyarakat Melayu di Terengganu melalui kegiatan ekonomi yang dinyatakan. Maka dengan itu, artikel ini bertujuan untuk melihat sejauh mana kejayaan ekonomi perusahaan di Terengganu yang dipelapori dan dimulakan oleh Sultan Baginda Omar pada abad ke-19. Selain itu, artikel ini juga bertujuan untuk melihat sejauh mana perkembangan ekonomi perusahaan seperti tekstil, tembaga dan perahu membawa kepada kesungguhan dan tindakan Sultan Baginda Omar dalam memartabatkannya sebagai salah satu kekuatan ekonomi Terengganu dalam tempoh yang dinyatakan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan pengumpulan dan analisis data daripada sumber-sumber primer yang diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia seperti Koleksi Surat-surat Baginda Omar Terengganu, CO 840/1 (Terengganu Administration Report, 1910-1930) dan CO 840/2 (Terengganu Administration Report 1931-1940). Selain itu, sumber sekunder turut digunakan seperti jurnal, buku, bab buku dan majalah bagi mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan. Hasil kajian mendapati, tindakan Sultan Baginda Omar dalam memartabatkan ekonomi dari bawah iaitu ekonomi perusahaan di Terengganu pada abad ke-19, dilihat meraih kejayaan yang tersendiri sehingga Terengganu digelar sebagai Birmingham of the Peninsula. Malah, status masyarakat Melayu di Terengganu juga turut berubah kepada posisi yang lebih baik berbanding sebelumnya.

Kata kunci: Sultan Baginda Umar; Terengganu; Birmingham of the Peninsula; perusahaan; ekonomi dari bawah

ABSTRACT

In the 19th century, the economic development in Terengganu was unique due to the emphasis on the development of the from-below economy, which was an economy based on enterprises. An enterprise that refers to a form of work that uses full manual expertise was one of the specialties of the Malay community in Terengganu at that time. As a result, various business activities were successfully developed such as textile, copper, and boat business activities. This indicates that Terengganu, which was under Sultan Baginda Omar's government at that time, had realized the importance of the from-below economy in complementing the dependencies of the existing economy such as trade, agriculture, and fishery. This also shows that he was a perceptive leader who cared about the welfare of the Malay community in Terengganu. Therefore, textile, copper and boat enterprises led to the seriousness and action of Sultan Omar in the 19th century. In addition, the article aims to see the extent to which the economic development of the enterprises influenced the decisions and actions of Sultan Baginda Omar in honoring it as one of Terengganu's economic strengths in the mentioned period. This study applied a qualitative method that involved the collection and analysis of data from primary sources obtained from the National Archives of Malaysia such as the Collection of Letters of His Majesty Omar Terengganu, CO 840/1 (Terengganu Administration Report, 1910-1930) and CO 840/2 (Terengganu Administration Report 1931-1940). Secondary sources such as journals, books, book chapters, and magazines were also studied to further strengthen the research conducted. The study found that Sultan Omar's action in honoring the from-below economy, namely the enterprise economy, in Terengganu in the 19th century was very successful that Terengganu was nicknamed the

'Birmingham of the Peninsula'. This has further elevated the status of the Malay community in Terengganu compared to before.

Keywords: Sultan Baginda Umar; Terengganu; Birmingham of the Peninsula; enterprise; from-below economy

PENGENALAN

Kegiatan perusahaan sememangnya telah dikenal pasti sebagai sebuah industri yang berkembang pesat dan mampu memberikan sumbangan besar kepada ekonomi sesebuah negeri di Tanah Melayu bermula pada abad ke-18 sehingga abad ke-20. (Mohd Fadzilah Kamsah & Muhammad Zakaria, 2008). Di Terengganu, antara kegiatan perusahaan yang menjadi pilihan kerajaan ialah perusahaan perahu, tekstil dan tembaga yang dilihat telah menjana pendapatan yang tinggi kepada kerajaan negeri dalam tempoh yang dinyatakan (Norazilawati Abd Wahab et al. 2023). Kegiatan perusahaan di Terengganu bukanlah berlaku secara "revolusi" dalam kalangan masyarakat tempatan namun perkembangannya banyak berlaku secara berperingkat ataupun secara "evolusi". Berdasarkan kajian, peringkat utama yang dilihat mampu menjadi pemangkin daya keusahawanan dalam kalangan masyarakat Melayu adalah peranan yang dimainkan dalam kalangan golongan elit tempatan di Terengganu. Walaupun struktur masyarakat sekitar abad ke-19 terbahagi kepada dua kelompok iaitu kelas pemerintah dan kelas diperintah, namun golongan elit Melayu pada ketika itu tidak membezakan struktur masyarakat tersebut dengan rakyat biasa. Taraf ekonomi dan politik tetap dijalankan secara seiringan tanpa mengira status sosial di antara mereka (Norazilawati Abd Wahab et al. 2022).

Sultan Baginda Omar (1839-1876) merupakan antara golongan elit yang cukup berwibawa dalam membawa kemajuan terhadap kegiatan ekonomi Terengganu selain pakar dalam urusan pentadbiran pada ketika itu (Arba'iyah Mohd Noor 2006). Walaupun baginda merupakan seorang pemerintah yang tegas dan cukup dikenali sebagai pemerintah "tangan besi" dalam kalangan masyarakat tempatan, namun baginda tidak pula meminggirkan matlamat untuk memajukan Terengganu dalam lapangan ekonomi terutamanya dalam bidang perusahaan. Apa yang jelas pada pandangan mata baginda ialah struktur ekonomi perusahaan mampu membawa arus kemajuan masyarakat. Berhadapan dengan situasi tersebut, baginda mula merasakan kebergantungan ekonomi perdagangan, pertanian dan juga perikanan bukanlah medan utama yang mampu memberikan

jaminan dan lebihan pendapatan kepada mereka. Sekiranya pada awal abad ke-18, kebergantungan ekonomi pertanian, perikanan dan penternakan merupakan pengeluaran terpenting pada ketika itu, namun keadaan mula berubah menjelang abad ke-19. Hal ini kerana, pada ketika itu pemerintah tidak lagi memfokuskan ekonomi berbentuk "mencukupi keperluan" namun, konsep tersebut mula diubah ke arah hala tuju ekonomi yang lebih stabil sifatnya dan mampu menyumbangkan keuntungan yang besar kepada Terengganu terutamanya dalam bidang eksport (Syed Husin Ali 2008). Maka dengan itu, artikel ini ingin mempersempahkan sejauh mana kejayaan ekonomi perusahaan di Terengganu yang dipelopori oleh Sultan Baginda Omar pada abad ke-19? Selain itu, artikel ini juga bertujuan untuk melihat sejauh mana perkembangan ekonomi perusahaan seperti tekstil, tembaga dan perahu membawa kepada kesungguhan dan tindakan Sultan Baginda Omar dalam memartabatkannya sebagai salah satu kekuatan ekonomi Terengganu dalam tempoh yang dinyatakan.

METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini merupakan penyelidikan sejarah dan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Bagi mencapai objektiviti dalam penyelidikan sejarah, beberapa tindakan dan proses telah dilakukan, misalnya kritikan, analisis, heuristik dan historiografi. Seperti penyelidikan sejarah yang lain, kajian kepustakaan telah digunakan bagi mengumpul sumber primer dan sekunder. Para penyelidik telah berkunjung ke Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Terengganu, Perpustakaan Negeri Terengganu, Muzium Negeri Terengganu, Perpustakaan IPTA di seluruh Malaysia dan lain-lain bagi mengumpul sumber-sumber yang dinyatakan. Penyelidikan ini dimulakan dengan proses heuristik iaitu pengumpulan bahan dan sumber yang relevan bagi penyelidikan ini. Proses seterusnya merupakan kritikan sumber iaitu sumber yang diperoleh akan dibandingkan dengan rekod-rekod lain seperti buku, jurnal, latihan ilmiah dan sebagainya. Proses ini penting bagi menentukan kebenaran dan kesahihan sumber-sumber yang diperoleh seterusnya menyingkirkan maklumat yang

tidak tepat berkaitan dengan topik penyelidikan ini. Selepas itu, proses analisis yang melibatkan penyimpulan berdasarkan sumber primer dan sekunder dilakukan. Proses ini akan menghasilkan sintesis sumber-sumber yang dinyatakan dan seterusnya melahirkan dapatan kajian. Akhir sekali merupakan proses penulisan sejarah atau dikenali sebagai historiografi sejarah. Penyelidikan sejarah ini telah dicapai dan disempurnakan melalui proses-proses yang dinyatakan. (Mardiana Nordin 2015).

KAJIAN LITERATUR

Penyelidikan berkaitan kegiatan ekonomi perusahaan di Tanah Melayu dilihat kurang mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik sebelum ini. Namun begitu masih terdapat beberapa penyelidikan lain yang dilihat telah menyentuh berkaitan kegiatan perusahaan dan sistem ekonomi tradisional secara umum yang mencakupi pada abad ke-19 sehingga abad ke-20. Situasi ini telah memberi gambaran awal dalam meneliti kelompongan yang wujud dalam penyelidikan berkaitan kegiatan perusahaan di Tanah Melayu yang merujuk kepada negeri Terengganu. Norazilawati Abd Wahab et al. (2021) misalnya menyatakan bahawa ekonomi perusahaan dari tahun 1900 sehingga 1941 turut menjadi antara aktiviti terpenting di Terengganu seiring dengan ekonomi berbentuk komersial lain seperti perlombongan, penanaman getah dan perikanan. Manakala Uqbah Iqbal et al. (2015) pula menyimpulkan bahawa masyarakat Melayu dilihat mempunyai struktur ekonomi yang tersendiri dan terdiri daripada satu masyarakat tunggal sebelum kedatangan kolonialisme British. Hal ini mendorong masyarakat Melayu mencari peluang ekonomi terutamanya penglibatan mereka dalam kegiatan perusahaan bagi tujuan kelangsungan hidup. Manakala A Rahman Tang Abdullah (2015) menegaskan bahawa pada abad ke-19, ciri-ciri dan orientasi ekonomi masyarakat Melayu tradisional yang bersandarkan kepada ekonomi sara diri dan perusahaan masih lagi mendominasi kehidupan mereka dalam tempoh yang dinyatakan. Masyarakat Melayu dilihat lebih progresif bagi mentransformasikan aktiviti ekonomi pertanian kepada orientasi komersial. Nurdiyawati Abidin dan Adnan Jusoh (2021) juga turut menyimpulkan bahawa taraf hidup masyarakat Melayu luar bandar di Melaka telah didapati meningkat melalui peralihan ekonomi berbentuk tradisional kepada ekonomi komersial ketika zaman kolonial di negeri

itu. Manakala Nik Yusnita Nik Ahmed (2015) menyatakan industri batik di Kelantan yang dikenali oleh usahawan wanita yang dikenali sebagai Che Su dan keluarga bermula sejak tahun 1911 sehingga kini masih bertahan ekoran inovasi yang dilakukan oleh mereka dalam mempelbagaikan kegiatan perusahaan dan kebanyakannya daripada mereka bergiat aktif dalam bidang keusahawanan. Manakala menurut Mohd Firdaus Abdullah dan Arba'iyah Mohd Noor (2020), masyarakat Melayu di Kedah lebih melibatkan diri dalam aspek pertanian terutamanya penanaman padi berbanding kegiatan perusahaan yang dilihat sehingga kini menjadikan negeri tersebut terbebas sebagai negeri pengeluar makanan utama Malaysia dan terperangkap dengan kemiskinan ekoran tidak menerima pelaburan yang boleh meningkatkan prestasi ekonomi negeri. Hal ini kerana, kebanyakannya tanah yang di Kedah ‘dikorbangkan’ bagi tujuan penanaman padi dan memenuhi permintaan beras di seluruh Malaysia.



*Al-Marhum Duli Yang Maha Mulia
Sultan Omar Ibni Al-Marhum
Sultan Ahmad I
(1839-1876)
Sultan Ke-9*

RAJAH 1. Sultan Baginda Umar, 1839-1876
Sumber: Ihsan Muzium Negeri Terengganu

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

KEGIATAN PERUSAHAAN TANGAN ERA PEMERINTAHAN SULTAN BAGINDA OMAR

Berdasarkan kepada sumber dan fail berkaitan kegiatan perusahaan dalam kalangan masyarakat Melayu di Terengganu sekitar abad ke-19, ternyata perkembangan tersebut banyak berlaku sekitar pemerintahan Sultan Baginda Omar. Walaupun

baginda kurang tahu menulis dan membaca, namun perhatian berat terhadap perkembangan ilmu pengetahuan, perniagaan atau perusahaan, kebijakan rakyat selain menggalakkan perlombongan bijih dan emas begitu dititik beratkan. Asas pemikiran baginda untuk memajukan kegiatan perusahaan dilihat terletak kepada kemahiran semula jadi yang terdapat dalam kalangan masyarakat Melayu itu sendiri terhadap bidang pertukangan tangan. Dengan ruang yang telah pun sedia ada, baginda mula membuka peluang kepada masyarakat tempatan untuk lebih kreatif dan mampu menghasilkan produk-produk perusahaan mengikut keinginan dan kepakaran masing-masing. Ketika pemerintahan baginda, secara keseluruhannya Terengganu berada dalam keadaan yang damai dan berkembang maju dalam kegiatan ekonomi dan industri (M.C ff Sheppard, 1969).

Kebijaksanan baginda dengan menggalakkan masyarakat tempatan menghasilkan pelbagai produk perusahaan secara langsung membawa kepada wujudnya perusahaan “*cottage industries*” di Terengganu pada abad ke-19 (CPR/ M 339 (74): J.M. Gullick 1987: Buyong Adil 1982). Bagi pandangan baginda, perusahaan tekstil, tembaga, pertukangan tangan dan alatan senjata mampu memberikan keuntungan besar kepada rakyat dan juga negeri pada ketika itu. Sebagai saluran mengembangkan ilmu pengetahuan dan kemahiran pertukangan terhadap rakyat jelata, sebuah wakaf telah dibina. Dengan adanya wakaf yang dikenali sebagai ‘Wakaf Marhum Baginda’, lahirlah ramai penuntut dalam kalangan masyarakat Melayu untuk memperoleh ilmu dalam bidang pertukangan. Sejarah perkembangan hierarki politik di Terengganu serta kedatangan kepakaran daripada luar seperti Daik, tidak mustahil membawa pengaruh besar dalam aktiviti seni dan kraf tangan Terengganu sekitar abad ke-18 sehingga abad ke-19. Misalnya dalam aktiviti perusahaan tembaga, perkara ini cukup jelas berlaku ketika pemerintahan Sultan Baginda Omar (1839-1876) (Arba’iyah Mohd Noor 2006). Sebagai langkah merealisasikan Terengganu sebagai sebuah negeri yang kaya dengan sumber-sumber kraf tangan, baginda mula membawa tukang dari Daik untuk mengajar masyarakat tempatan dalam aktiviti perusahaan tembaga kuning (brass). Malah, Clifford turut mencatatkan bahawa “...To the manufacture of the ordinary brass the natives have added an art, which is said to have been taught to them by one of the artisans who were brought from Daik by the Beginda Omar (Hugh Clifford, 1992). Jelas memperlihatkan bahawa tindakan yang

dilakukan oleh Sultan Baginda Omar, membawa pengertian yang cukup besar. Hal ini kerana, tidak sekadar teknik pengajaran tembaga yang dibawa masuk kepada pengusaha tempatan malah motif tembaga dari Daik turut diperkenalkan. Bahkan, dengan kehadiran tenaga-tenaga ekonomi dari luar, Terengganu mula digelar sebagai “*international trading centre*” (Muhammad Yusoff Hashim, 1991). Pada ketika itu juga, kegiatan perdagangan mula berkembang. Keadaan ini kemudiannya membawa kepada kewujudan pelbagai pengaruh dan sumber tenaga kerja ke Terengganu sehingga mendorong berlakunya perubahan besar kepada struktur dan sistem sosial masyarakat tempatan termasuk pengaruh dari beberapa daerah Indonesia seperti Sumatera, Jawa, Sulawesi dan beberapa daerah yang lain.

Selain itu, ketika pemerintahan Sultan Baginda Omar, pengusaha Melayu juga cukup mahir dalam kegiatan perusahaan tekstil seperti penghasilan Kain Benang Emas (songket), Kain Limar, Kain Prang Rosak dan Kain Sarong Sutera. Kebanyakan pengusaha Melayu yang terlibat dalam kegiatan ini ialah golongan wanita secara keseluruhannya. Keunikan dan cara pembuatannya yang cukup unik dan halus merupakan salah satu faktor utama yang berjaya menarik perhatian masyarakat pedagang untuk mendapatkannya sebagai barang dagangan (Zubaidah Shawal 1985).

Selain dijadikan sebagai barang dagangan, karya-karya berbentuk kraf turut dijadikan sebagai hadiah dalam menjalankan hubungan persahabatan antara Terengganu dan kerajaan-kerajaan luar (Mubin Sheppard, 1972). Didapati, penghasilan Kain Benang Emas (songket) begitu berkembang di Terengganu pada abad ke-19 disebabkan tindakan yang dimainkan oleh Sultan Baginda Omar dengan mengimport benang emas dari Sumatera. Kegiatan import benang emas yang dilakukan oleh baginda secara langsung membuka peluang kepada pengusaha Melayu untuk menghasilkan tekstil yang terbaik pada ketika itu. Perkembangan penghasilan produk perusahaan inilah kemudiannya membentuk satu cabang perkembangan ekonomi yang cukup berkembang sehingga Terengganu Gelaran “*Birmingham of the Peninsula*” oleh Hugh Clifford sekitar 1895.

“Sir Hugh Clifford wrote of Trengganu in 1895 as “the Birmingham of the Peninsula” and the local craftsmen still produce an appreciable quantity of silks, cotton fabrics and metal works” (Annual Report Social and Economy Progress of the People of Trengganu for the Year 1933).

Memetik kata-kata Clifford pada ketika itu, membuktikan bahawa sememangnya pengusaha wanita Melayu di Terengganu memiliki kemahiran tangan yang cukup hebat sehingga tidak mampu ditandingi oleh masyarakat luar yang lain. Malah, pada ketika itu juga seramai 600 orang penenun eksklusif wanita berjaya dilahirkan di Terengganu (The Malayan Agri-Horticultural Association (MAHA), The MAHA Magazine 1941). Pada tahun 1874, semakin ramai penglibatan wanita dengan pelbagai lapangan ekonomi seperti aktiviti logam, tembaga dan tekstil. Kesannya, Terengganu digelar sebagai “*Birmingham of the Peninsula*” sekitar tahun 1895. (Sharom Ahmat, 1984). Menurut Abdul Rahman Embong (2012), Terengganu digelar sebagai “*Birmingham of the Peninsula*” adalah kerana Terengganu mempunyai kekayaan industri warisan yang cukup luar biasa dan pelbagai terutamanya dalam pembuatan perahu, pertukangan besi dan kayu, pembuatan senjata, tenunan songket, tembaga dan batik. Malah, ia seiring dengan kemajuan yang berlaku di Birmingham yang merupakan sebuah kota industri yang terletak di Britain. Ketika itu juga, Britian telah melancarkan Revolusi Industri di mana masyarakat di Britain juga cukup mahir dalam industri pembuatan tangan terutamanya senjata. Perkembangannya serentak berlaku pada tempoh yang sama iaitu pada abad ke-19. Ini menunjukkan bahawa Terengganu ketika itu, telahpun membangun dari aspek ekonominya sebelum ketibaan penjajah lagi. (Abdul Rahman Embong 2012)

Kebanyakan harga kain juga dijual tidak melebihi \$4 dan \$5. Walaupun mendapat persaingan yang tinggi dari Kelantan dan Pahang namun pengusaha Melayu di Terengganu tetap memiliki ciri-ciri inovasi yang tinggi dalam memperlengkapkan permintaan golongan atasan dan pedagang-pedagang luar pada ketika itu. Sebagai asas untuk memenuhi keperluan dan kehendak secara optimum, Sultan

Baginda Omar mula memberikan galakan kepada masyarakat tempatan agar menggunakan kaedah pewarnaan tekstil yang dihasilkan dengan tumbuh-tumbuhan semula jadi. Bagi pandangan baginda, kecekapan dalam memproses dan menghasilkan produk tempatan melalui kaedah semula jadi merupakan satu kelebihan warisan masyarakat zaman tradisional yang tidak mampu dimiliki oleh masyarakat lain. Contohnya dalam menghasilkan tenun ikat dan sutera, bahan-bahan pencelup “diharuskan” penghasilannya dengan menggunakan sumber-sumber alam. Sumber-sumber alam berasaskan warna yang dimaksudkan ialah warna merah dihasilkan daripada kulit mengkudu; merah coklat daripada kulit kayu pohon samak; merah cerah daripada rotan jernang; kuning daripada kunyit dan penahan luntur dihasilkan daripada biji kemiri dan buah kelumpang yang diperam dengan air asam (Hugh Clifford 1992)

Walaupun kadang kala penggunaan kaedah pewarnaan secara tradisional dianggap tidak produktif, namun bagi mengekalkan legasi serta kualiti secara turun temurun, kaedah tersebut dilihat amat menguntungkan negeri. Hal ini kerana, kebanyakkan para pedagang luar berminat untuk mendapatkan produk yang diperbuat daripada bahan-bahan asli kerana dianggap lebih tahan lama serta bermutu tinggi. Ketika ini, kebanyakkan pengusaha tekstil terdiri daripada kaum lelaki manakala kaum wanita lebih cenderung ke arah teknik-teknik penjualan sahaja. Situasi ini berlaku kerana pada ketika itu perkembangan ekonomi banyak dikaitkan dengan sikap “kerjasama” yang wujud dalam kalangan masyarakat Melayu terutamanya bagi pengusaha yang tinggal di kawasan-kawasan pedalaman. Tindakan yang dilakukan oleh baginda inilah ternyata membawa kesan yang cukup mendalam terhadap industri tekstil di Terengganu pada abad ke-19 (Hugh Clifford 1992).



RAJAH 2. Kain Limar Bersongket Emas
Sumber: Ihsan daripada Muzium Negeri Terengganu

Selain tekstil, kegiatan perusahaan tembaga turut berkembang ketika pemerintahan Sultan Baginda Omar. Permintaan yang semakin meningkat terhadap pengeluaran tembaga banyak dihubungkaitkan dengan keperluan tembaga itu sendiri oleh pihak istana seperti sudu, pinggan, periuk, bekas lilin dan sebagainya (Siti Rahmah Mohd. Noor, 1977/1978). Antara kawasan yang maju dalam kegiatan perusahaan tembaga ialah Kampung Ladang, Terengganu. Memandangkan Kampung Ladang merupakan sebuah kawasan yang paling hampir dengan istana dan pasar besar, maka perusahaan tembaga begitu menarik perhatian golongan diraja. Tembaga yang siap dihasilkan akan dijual dengan harga \$6 sehingga \$8 bergantung kepada corak dan saiz (Hugh Clifford, 1992). Pembahagian konsep aktiviti perusahaan dalam kalangan masyarakat Melayu turut melambangkan keadaan mobiliti sosial yang dialami oleh mereka pada ketika itu (Mubin Sheppard, 1980). Walaupun kegiatan ekonomi masyarakat Melayu masih mengalami proses yang kecil untuk berkembang, namun dengan sumber yang dimiliki tahap kemajuan yang dicapai mampu memberikan kebanggaan kepada masyarakat Melayu pada ketika itu (J.M. Gullick 1987).

Kesinambungan usaha yang dilakukan oleh Sultan Zainal Abidin I di mana baginda juga menekankan aspek kerja tangan seperti tembaga, telah diteruskan oleh Sultan Baginda Omar dalam memajukan kegiatan perusahaan tembaga (Mohamed Anwar Omar Din & Nik Anuar Nik Mahmud 2009). Sebagai langkah merealisasikan Terengganu sebagai sebuah negeri yang kaya dengan sumber-sumber kraftangan, baginda mula membawa tukang dari Daik untuk mengajar masyarakat tempatan untuk menghasilkan pengeluaran produk tembaga kuning (brass) (Mohd Arifin Muda 2013). Clifford mencatatkan bahawa:

The metal ware made at Kuala Trengganu is also very good of its kind. The chief articles made are the numerous brass with which every Malay household of standing in the Peninsula is furnished. To the manufacture of the ordinary brass the natives have added an art, which is said to have been taught to them by one of the artisans who were brought from Daik by the Beginda, the secret of which is jealously preserved by those who hold it, and which, to the best of my belief, is not known in any of the other Natives states (Hugh Clifford 1992).

Kesemua tindakan yang dijalankan oleh baginda jelas memperlihatkan bahawa unsur-unsur pentadbiran moden telah pun bertapak di Terengganu sebelum kemasukan kuasa penjajah di Tanah Melayu (Clifford 1992). Oleh itu, tidak mustahil sekiranya segala tindakan yang dijalankan oleh baginda secara telusnya menjadikan ekonomi Terengganu termasuk ekonomi perusahaan berjaya bertapak kukuh ketika era pemerintahan baginda. Ditambah pula dengan kemasukan tenaga pakar dari Patani dan Daik ke Terengganu, mengharmonikan lagi kegiatan perusahaan tangan apabila wujud teknik penggabungan antara kedua-duanya. Perkembangan inilah kemudiannya membawa kepesatan ekonomi di beberapa kawasan di Terengganu dalam kegiatan perusahaan tembaga terutamanya di Kampung Ladang dan Kampung Tanjung (Perbadanan Kemajuan Kraf tangan Malaysia 2008). Sejak dari itu, tukang-tukang tembaga mula mencari ruang-ruang kehidupan yang lebih selesa untuk mencari pendapatan hidup dan berusaha memenuhi keperluan asasi masyarakat tempatan. Malah, kegiatan perusahaan tembaga mula berkembang secara kompleks dan sejarah dengan tuntutan semasa terutamanya tuntutan daripada golongan diraja (Pisol Maidin 2003).

Berdasarkan kepada nilai-nilai dan proses pewarisan zaman berzaman dengan lataran sejarah yang tersendiri, daya inovatif dan kreativiti telah pun wujud dalam kalangan masyarakat Melayu terhadap kegiatan perusahaan yang melibatkan kerja tangan. Hal ini kerana, kebebasan dan kemerdekaan para tukang merupakan ruang dan juga peluang terbaik untuk mereka menghasilkan sesuatu produk yang lebih kreatif untuk memenuhi permintaan masyarakat tempatan mahupun masyarakat luar. Selaras dengan perkembangan yang berlaku dan sejak golongan istana atau sultan mengangkat darjah seniman kraf sebagai seniman istana, secara langsung membuka ruang kepada mereka untuk terus bertapak kukuh dalam kegiatan perusahaan tembaga pada ketika itu (Majalah Sinar Zaman, 1975). Peluang yang wujud dianggap sebagai satu jambatan yang mampu dijadikan sebagai pengantar untuk memasarkan produk Terengganu sehingga melangkau ke Singapura dan juga Siam (Hugh Clifford 1992).



RAJAH 3. Timba Tembaga Masjid
Sumber: Ihsan daripada Muzium Kuala Terengganu,
26 Mac 2013

Selain tembaga dan tekstil, kegiatan perusahaan perahu turut dimajukan. Kemampuan daya saing yang dilihat semakin meningkat dalam kalangan masyarakat tempatan membawa pengaruh besar kepada baginda agar tidak sekadar tertumpu kepada penghasilan sesuatu produk perusahaan sahaja. Berdasarkan kepada kepentingan sistem pengangkutan, secara langsung membuka minda baginda untuk turut memajukan kegiatan perusahaan perahu terutamanya Perahu Pinis dalam kalangan pengusaha tempatan sebagai asas keperluan dan keuntungan negeri. Kesan yang paling ketara berlaku setelah perkembangan kegiatan perusahaan perahu ialah lahirnya “tukang timbal” Melayu di Terengganu. Tukang Timbal atau dikenali sebagai tukang perahu yang mempunyai kepakaran luar biasa dalam mencipta sebuah perahu tanpa menggunakan teknologi canggih, pelan dan kun merupakan antara masyarakat yang menjadi penyumbang utama dalam kemajuan perkapalan di Terengganu pada abad ke-19. “Timbau atau timbal” merupakan satu proses di mana sesebuah perahu atau kapal akan dibina dengan mempertinggikan dinding atau dikenali sebagai papan timbal (dinding luar), dicipta lunas di bahagian tengah untuk mengapungkan perahu atau kapal serta menggunakan pasak bagi mendapatkan kedudukan yang lebih stabil. (Ibrahim Ahmad 2012). Walaupun tanpa menggunakan pelan, namun ketajaman idea yang dimiliki oleh seorang tukang timbal di Terengganu menjadi asas kepada perkembangan kegiatan perusahaan perahu apabila permintaan perahu semakin berkembang bermula abad ke-19 di Terengganu (Pisol Maidin 2014).

Kecekapan dan sumbangan seorang tukang yang mencipta perahu menjadi daya penarik kepada golongan bangsawan untuk mengangkat perusahaan perahu sebagai salah satu punca pendapatan dan ekonomi negeri. Dalam proses

ini, perolehan ilmu daripada luar mahupun dalam negeri tetap menjadi keutamaan kepada baginda. Penekanan baginda terhadap kegiatan perusahaan perahu mampu memperlihatkan bahawa baginda sememangnya seorang pentadbir yang amat bijak. Sekiranya sebelum ini tenaga pakar digalakkan masuk ke Terengganu, namun agak berbeza terhadap perusahaan perahu apabila beberapa orang masyarakat Melayu dihantar sehingga ke Singapura untuk mencari ilmu berkaitan pembuatan Perahu Pinis sekitar 1850. Ternyata dasar yang dilaksanakan oleh baginda berjaya apabila perahu yang dihasilkan memperoleh permintaan yang tinggi dari Alam Melayu yang lain disebabkan kelajuannya yang berbeza daripada perahu-perahu lain (Mohamed Anwar Omar Din & Nik Anuar Nik Mahmud 2009). Perahu Pinis merupakan perahu yang paling besar dan menarik bentuknya. Bentuk haluan perahu ini seperti paruh burung dan bahagian buritannya berbentuk seperti belakang itik. Panjang Perahu Gobel ialah 18 meter sehingga 24 meter, lebar antara 5 meter sehingga 6 meter manakala tinggi di antara 2 sehingga 3 meter. Kadar muatan antara 1,000 sehingga 2,500 pikul (Mohd Yusof Abdullah 2013).

Terhasilnya perahu yang unik, kukuh dan mampu meredah lautan membawa kesan yang cukup jelas apabila pengusaha perahu mula menjadikan perniagaan perahu sebagai satu peluang untuk mencari sumber pendapatan. Sikap bijak mengambil peluang yang ada dalam kalangan pengusaha tempatan berjaya menarik minat pihak pentadbir di Kelantan untuk menjadikan perahu besar buatan pengusaha Terengganu sebagai pengangkutan diraja:

Daripada itu, maka adalah Paduka Ayahanda suruh Tuan Haji Datuk berdua dengan Encik Leh itu mengadap Paduka ayahanda itunya serta. Paduka Ayahanda hendak mencari jalannya. Maka adalah Paduka Ayahanda itu sangat-sangatlah berkehendakkan akan perahu yang boleh Paduka Ayahanda naik sendirinya. Maka, adalah Paduka Ayahanda dengan khabar kepada orang perahu itu ada di dalam Negeri Terengganu itunya. Paduka Ayahanda itu telah berharaplah pada Paduka Anakanda akan boleh tulung akhiarnya, maka fasal sifat perahu itu sudah dinyatakan (SP 6/39/58: SP 6/39/2).

Permintaan Paduka Kelantan atau turut dikenali sebagai Sultan Muhammad II, Kelantan (1837-1886) untuk memperoleh sebuah perahu yang baik pembuatannya menunjukkan bahawa perusahaan perahu sememangnya mendapat permintaan yang tinggi daripada negeri-negeri luar. (Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, 2018). Inovasi pengusaha

Melayu boleh dilihat pada silih bergantinya reka bentuk perahu yang dibina, termasuk penggunaan kayu bermutu tinggi yang diperoleh dari Kemaman untuk menghasilkan sebuah perahu (SP 6/52). Antara pengusaha perahu terkenal pada ketika itu ialah Encik Leh. Encik Leh mempelajari teknik bertukang dengan orang Perancis yang datang ke Terengganu kerana menjalankan pelayaran dalam tempoh yang lama.

Apa yang paling unik dilihat dalam kegiatan perusahaan perahu di Terengganu pada ketika itu ialah dilihat dari segi teknik penghasilan sebuah perahu oleh tukang timbal. Hal ini kerana, seorang tukang timbal tidak memerlukan pelan untuk menghasilkan sebuah perahu dan menggunakan imaginasi bagaimana bentuk perahu, panjang dan lebar ketika itu untuk menjadikan sebuah perahu tersebut terapung di permukaan air (SP 6/39: Abdullah Muda, 2002). Ada ketikanya inovasi yang dilakukan bermula secara suka-suka untuk kepuasan diri sendiri atau kemudahan diri sendiri yang kemudiannya tanpa disangka berubah menjadi daya inovasi yang mampu membawa keuntungan kepada pengusaha tempatan (Majalah Dewan Ekonomi, Jun 2012). Malah, teknik pasak, menimbal dan penggunaan kayu cengal yang berkualiti juga merupakan antara teknik yang cukup unik dilihat dari segi penghasilan perahu di Terengganu. Penghasilan perahu inilah kemudiannya digunakan oleh masyarakat tempatan untuk menjalankan kegiatan perdagangan.



RAJAH 5. Perahu Pinis Gobel

Sumber: Ihsan daripada Galeri Pelayaran dan Perdagangan di Bahagian Muzium Maritim Kuala Terengganu, 27 Ogos 2012.

Terciptanya perahu oleh pengusaha tempatan bukanlah sekadar mampu membuktikan penciptaan yang tinggi dimiliki oleh mereka, malah perkara-perkara asas yang ingin ditonjolkan adalah mengenai kemahiran semula jadi dan daya kreativiti yang terdapat dalam kalangan pengusaha Melayu pada ketika itu. Sekiranya sekitar abad ke-18 daya penciptaan perahu hanyalah sekadar digunakan untuk menjalankan aktiviti perikanan di pesisir sungai dan pantai serta perahu kecil yang dihasilkan, namun menjelang pertengahan abad ke-19 mereka mula mengalami proses transisi yang mampu dibanggakan apabila perahu-perahu yang bersaiz besar mula dicipta. Keindahan dan keunikan yang terdapat pada reka bentuk sesebuah perahu Melayu adalah hasil pemikiran, teknologi dan selera yang dimiliki oleh pengusaha Melayu. Karya-karya seniman pertukangan Melayu juga membayangkan jiwa, daya cipta dan kepakaran yang halus dan terkawal oleh nilai estetik dan diilhamkan dari alam persekitaran mereka (Haziyah Hussin 2006). Peranan yang dimainkan oleh seseorang pengusaha dalam menilai tahap persekitaran untuk perkembangan kegiatan perusahaan secara langsung membawa kepada wujudnya permintaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat tempatan mahupun masyarakat luar pada ketika itu.

Sultan Baginda Omar merupakan seorang sultan yang kuat mempertahankan maruah dengan cara mengadakan usaha-usaha pembangunan sosioekonomi dalam negeri dan mengasingkan Terengganu daripada hal ehwal luar, tanpa membabitkan urusan negeri lain (Mohamed Anwar Omar Din & Nik Anuar Nik Mahmud, 2009). Langkah-langkah yang dijalankan oleh baginda



RAJAH 4. Pasak yang Dicipta oleh Tukang Timbal Perahu daripada Kayu Cengal di Terengganu bagi Menggantikan Paku

Sumber: Wawancara Ali@ Abd Razak bin Muda Merupakan Tukang Timbal Bertempat di Bengkel Perahu Kampung Pulau Rusa pada 27 Jun 2022

dalam memajukan kegiatan ekonomi membawa implikasi yang cukup besar ke atas Terengganu kerana berjaya mempertahankan reputasi Terengganu sebagai sebuah pusat pengajian dan industri di Semenanjung Tanah Melayu pada abad ke-19. Bagi pandangan baginda, langkah-langkah yang diwujudkan secara langsung mampu memberikan kemodenan terhadap negeri Terengganu pada ketika itu (Hill 1949). Malah, unsur-unsur pentadbiran moden telah pun dijalankan oleh baginda sebelum bertapaknya kuasa penjajah di negara ini (Mohamed Anwar Omar Din & Nik Anuar Nik Mahmud 2009).

Tepat pernyataan yang dikeluarkan oleh Clifford kerana kewujudan pengusaha bukanlah sekadar mengejar keuntungan semata-mata tetapi penglibatan mereka dalam bidang keusahawanan adalah sebagai penyumbang kemajuan negeri dan masyarakat itu sendiri. Perkembangan yang berlaku secara tidak langsung menunjukkan bahawa ekonomi Terengganu sekitar abad ke-19 bukanlah sebuah ekonomi yang bersifat statik, sebaliknya ekonomi Terengganu telah pun berada di ambang peralihan akibat daripada interaksi beberapa faktor dalam termasuk peranan yang dimainkan oleh golongan atasan pada ketika itu (Clifford 1992).

Kecekapan Sultan Baginda Omar dalam mentadbir Terengganu di samping menggalakkan kegiatan perusahaan dalam kalangan masyarakat Melayu secara langsung membawa kepada tercetusnya minat yang mendalam untuk menjadikan bidang ini sebagai teras dan punca rezeki yang utama kepada mereka. Dalam kebanyakan negeri di Semenanjung Tanah Melayu, masyarakat Melayu masih lagi menjadi masyarakat majoriti di sesuatu kawasan termasuk masyarakat yang mendiami Lembah Kelempang di Terengganu. Disebabkan jumlah yang agak padat di kawasan lembah tersebut, Hugh Clifford mula menggelarkan Terengganu sebagai “*most thickly populated portions of the Peninsula*”. Walaupun kawasan tersebut merupakan sebuah kawasan kampung yang agak berselerak, namun mereka masih mempunyai aktiviti-aktiviti yang tersendiri untuk dijadikan sebagai sumber pendapatan utama termasuk kegiatan perusahaan tangan (Clifford 1992).

Oleh itu, kenyataan-kenyataan yang dilakukan oleh para sarjana barat mengenai sejarah perkembangan kegiatan ekonomi dalam kalangan masyarakat Melayu sedikit sebanyak memperlihatkan bahawa peranan seseorang raja atau sultan terhadap kegiatan ekonomi sememangnya amat besar pengaruhnya. Malah, mereka turut

beranggapan bahawa kegiatan perusahaan telah menjadi wahana kemajuan sosio-ekonomi masyarakat tempatan sekitar abad ke-18 sehingga menjelang abad ke-19. Kesan daripada kemahiran yang terdapat dalam kalangan masyarakat Melayu terhadap bidang perusahaan, ternyata membawa kepada kewujudan teras-teras perkembangan kegiatan eksport barang seperti kain sutera, kain songket, benang, tembaga, perahu, ukiran kayu, besi dan sebagainya terutamanya ketika pemerintahan Sultan Baginda Omar.

KESAN KEGIATAN PERUSAHAAN TERHADAP STRUKTUR EKONOMI MASYARAKAT TEMPATAN KETIKA ERA PEMERINTAHAN SULTAN BAGINDA OMAR

Kegiatan perusahaan telah dikenal pasti sebagai sebuah industri yang sedang berkembang pesat dan mampu memberikan sumbangan besar kepada ekonomi negeri dari sudut keluaran produk-produk yang dihasilkan sekitar abad ke-18 sehingga menjelang abad ke-20. Walau bagaimanapun, struktur perkembangan ini bukanlah berlaku secara “revolusi” dalam kalangan masyarakat tempatan namun perkembangan tersebut banyak berlaku berdasarkan kepada peringkat-peringkat yang tertentu ataupun secara “evolusi”. (Norazilawati Abd Wahab et al. 2022).

Antara peringkat yang utama dilihat menjadi pemangkin daya keusahawanan dalam kalangan masyarakat Melayu adalah peranan yang dimainkan oleh golongan elit tempatan itu sendiri. Walaupun struktur masyarakat sekitar abad ke-19 terbahagi kepada dua kelompok iaitu kelas pemerintah dan kelas diperintah, namun golongan elit Melayu pada ketika itu tidak membezakan struktur masyarakat itu dengan rakyat biasa. Sultan Baginda Omar merupakan antara pemerintah yang cukup memberikan penekanan terhadap pembangunan ekonomi negeri pada ketika itu. Malah, tindakan baginda juga memberikan beberapa kesan yang cukup terkesan kepada golongan pembesar negeri dan juga rakyat tempatan. Baginda berusaha untuk membangunkan ekonomi negeri serta sentiasa keluar bersendirian dengan bebas menemui rakyat semata-mata untuk mengetahui hal ehwal kebajikan dan keharmonian ekonomi masyarakat setempat (Buyong Adil 1982). Tindakan baginda berjaya mengupas daya kekuatan dan aspek pemikiran rakyat untuk berhadapan dengan persaingan-persaingan lain dalam kegiatan ekonomi (Farid Mat Zain 2007).

Langkah-langkah pembangunan ekonomi perusahaan yang dijalankan oleh baginda secara langsung membawa pertambahan penduduk di Terengganu berjumlah 37,500 orang pada 1856. Daripada jumlah tersebut didapati sebanyak 15,000 orang sehingga 20,000 orang menjadi penduduk tetap di bandar Kuala Terengganu (Khoo Kay Kim 1974; Allen 1968). Ekoran daripada perkembangan yang berlaku, struktur ekonomi perusahaan turut memperlihatkan kemajuannya apabila golongan artisan Melayu berjaya mencecah seramai 5,000 orang pada 1895 (Hugh Clifford, 1992). Aliran inisiatif secara jangka panjang yang dilakukan oleh Sultan Baginda Omar dalam mewujudkan klasifikasi kelas pengusaha di Terengganu merupakan antara pemangkin penting dalam menilai tahap tindakan yang dilakukan oleh baginda pada ketika itu (Mohamed Anwar Omar Din & Nik Anuar Nik Mahmud 2009). “*A Comparatively large manufacturing class*” merupakan istilah Clifford kepada pengusaha-pengusaha di Terengganu apabila sejumlah besar hasil-hasil tekstil, tembaga dan perahu berjaya dihasilkan pada ketika itu (Hugh Clifford, 1992). Hal ini sudah pasti memberikan kesan positif apabila berlakunya penghijrah masyarakat luar yang berpengalaman dalam bidang artisan ke Terengganu untuk menyalurkan ilmu-ilmu artisan kepada pengusaha tempatan pada ketika itu (Mohamed Anwar Omar Din & Nik Anuar Nik Mahmud 2009).

Sejajar dengan perkembangan ekonomi yang berlaku, tidak mustahil berlaku peningkatan dari segi komposisi penduduk sekitar 1895 apabila jumlah keseluruhan penduduk meningkat kepada 100,000 orang berbanding 1856 iaitu sekadar 37,500 orang sahaja. Anggaran komposisi penduduk yang dilakukan oleh Clifford jelas memperlihatkan bahawa pertambahan jumlah penduduk merupakan antara pemangkin penting untuk membantu menjana pertumbuhan ekonomi negeri pada ketika itu. Oleh itu, tidak mustahil sekiranya masyarakat Melayu berjaya memonopoli jumlah keseluruhan penduduk sebanyak 94.6 peratus sama ada di Terengganu maupun di Kelantan sekitar abad ke-19 (Mohamed Anwar Omar Din & Nik Anuar Nik Mahmud 2009). Dengan pasaran ekonomi yang sempurna, jumlah penduduk di negeri-negeri pantai timur berjaya mengatasi sebanyak lima kali ganda daripada jumlah penduduk yang menetap di Kuala Lumpur sekitar 1884 (Clifford 1992). Manakala bagi pandangan J.de. Vere Allen, sekiranya dibandingkan jumlah penduduk Terengganu dengan jumlah

penduduk di Perak dan Selangor sekitar 1874, jelas memperlihatkan bahawa penduduk Terengganu mampu melebihi tiga kali ganda daripada penduduk Perak dan antara 12 hingga 15 kali ganda melebihi penduduk di Selangor (Allen 1968). Apa yang menarik untuk dijelaskan, kesan daripada pelbagai golongan penghijrah yang datang ke Terengganu membawa kepada pertambahan keperluan makanan terutamanya beras kepada penduduk tempatan. Sebagai contoh, ketika pentadbiran baginda, petani Melayu berjaya menghasilkan antara 6,000,000 gantang atau 300,000 pikul beras dalam satu-satu masa bergantung keadaan cuaca yang baik. Jumlah ini merupakan satu jumlah yang cukup besar berlaku sekitar abad-19 kerana ketika itu, tiada penggunaan teknologi canggih dalam kalangan petani Melayu. Berdasarkan jumlah penghasilan beras yang begitu besar di Terengganu, tidak mustahil petani Melayu mampu memperoleh pendapatan yang cukup lumayan antara \$2.50 hingga \$2.20 sepikul di kawasan Dungun dan Setiu; Besut sebanyak \$4 sepikul manakala di kawasan Terengganu sebanyak \$6.66 sepikul (Clifford 1896). Dengan keperluan makanan yang cukup murah dan mudah diperoleh, tidak mustahil turut berlaku pelbagai penghijrah kepakanan daripada negeri lain. Salah seorangnya ialah daripada ahli pertukangan dari Pagar Ruyung di Sumatera Barat. (Norazilawati Abd Wahab 2014). Beliau telah tertarik hati dengan langkah-langkah yang dijalankan oleh Sultan Baginda Omar pada ketika itu di mana baginda cukup menggalakkan kepakanan daripada luar datang ke Terengganu. Beliau yang merupakan seniman pertukangan besi serta berketurunan tukang-tukang besi Majapahit berjaya masuk ke Terengganu sebagai seorang tukang besi yang berpengetahuan luas mengenai hal-hal pertukangan. Manakala ketika pemerintahan Sultan Ahmad, terdapat dalam kalangan tukang besi yang turut dilantik sebagai juru payung kepada sultan secara sambilan.

Tidak dinafikan bahawa penghijrah masyarakat Pagar Ruyung ke Terengganu banyak membantu struktur perkembangan kegiatan perusahaan dalam kalangan masyarakat tempatan pada ketika itu. Malah, terdapat dalam kalangan golongan elit Melayu yang bertindak untuk menempah keris dan alat senjata yang lain sebagai asas permulaan perkembangan kegiatan perusahaan sehingga mewujudkan minat yang mendalam terhadap pengusaha-pengusaha Melayu untuk turut melibatkan diri dalam kegiatan tersebut. Selain rakyat tempatan, Sultan Baginda Omar

turut menggalakkan penglibatan masyarakat Pagar Ruyung yang datang berhijrah ke Terengganu dalam kegiatan perusahaan tangan (Hugh Clifford, 1992).

Sekiranya diperhalusi, tindakan baginda inilah yang secara jelas telah menyebabkan pertambahan jumlah pengusaha Melayu sepanjang pemerintahan baginda:

The existence of a comparatively large manufacturing class in Trengganu is partly due to the fostering care of the Beginda of whose interest in manufacturing mention has already been made-and is partly the result of circumstances the large population of the lower portion of the necessitating unusual exertion on the part of the natives in order to render it possible for them to earn a livelihood. The chief articles of manufacture are silks, cotton fabrics, native weapons and metal and wood work (Clifford 1992).

Kesungguhan golongan elit seperti Sultan Baginda Omar dalam memajukan kegiatan ekonomi di Terengganu diibaratkan sebagai titisan air yang meleleh kecil dan mula bertukar menjadi arus yang membanjiri kawasan di luar bandar Terengganu pada akhir abad ke-19 (Shaharil Talib 1979). Sebagai golongan elit, mereka secara berturut-turut berusaha untuk meningkatkan mobiliti ekonomi dalam pelbagai aspek termasuk menitikberatkan soal-soal ekonomi rakyat (Shaharil Talib, 1985). Melalui sokongan rakyat, seseorang sultan akan diangkat kedaulatannya. Kesan tindakan yang diambil oleh Sultan Baginda Omar untuk menaiktaraf pembangunan ekonomi negeri, membawa pelbagai gambaran indah daripada orang Barat sehingga Terengganu digelar sebagai “*Birmingham of the Peninsula*” sekitar abad ke-19 (Annual Report Social and Economic Progress of the People of Terengganu 1934: CO 840/2 (12)). Perkembangan ekonomi perusahaan berkekalan sehingga ke peringkat awal pemerintahan Sultan Zainal Abidin III (1881-1918) (Wan Hashim Wan Teh 1990; Sheppard 1969). Ini menunjukkan bahawa ketika pemerintahan baginda, institusi kesultanan merupakan satu indikator terpenting dalam memartabatkan golongan bawahan kerana perubahan yang dialami oleh masyarakat Melayu di Terengganu memperlihatkan peringkat pembangunan terletak di tangan kelas atasan. Malah, mereka juga dikenali sebagai “*role set*” kerana mempunyai pelbagai fungsi termasuklah memartabatkan golongan bawahan. Pembentukan kelas diraja itu juga sekaligus mewujudkan kerajaan dalam masyarakat Melayu kerana sultan merupakan perantaraan yang cukup penting dalam artikulasi perkembangan masyarakat di Tanah Melayu (Hanapi Dollah 1985). Bukan itu sahaja, sebagai

tanda sokongan kepada rakyat tempatan, baginda juga melawat kawasan pesisir pantai, pasar dan kampung setiap hari Jumaat di mana kawasan ini merupakan antara kawasan yang cukup maju dalam pelbagai kegiatan ekonomi ketika itu (Clifford 1986). Mamanda menteri ketika pemerintahan baginda iaitu Dato’ Seri Nara Wangsa Enche Muhammad menyatakan bahawa Sultan Baginda Omar sentiasa berangkat melawat segenap ceruk jajahan takluk negeri Terengganu dan sentiasa memberikan sedekah kepada rakyat yang miskin. Melihat keadaan tersebut, tidak mustahil baginda cukup menggalakkan rakyat Terengganu sama ada lelaki dan wanita dalam kegiatan ekonomi. (Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, 2009)

Perkembangan kegiatan perusahaan di Terengganu sekitar pemerintahan Sultan Baginda Omar juga telah membawa kepada satu bentuk hubungan yang begitu unik antara Terengganu dan negara luar. Sebagai contoh, memandangkan Kerajaan Great Britain begitu berminat dengan hasil tangan masyarakat Melayu, tidak mustahil pada 22 Disember 1869, baginda mula mengadakan hubungan persahabatan dengan kerajaan Great Britain iaitu Ratu Victoria dan mengutuskan Tengku Muhammad Ariffin sebagai utusan Kerajaan Terengganu ke Britain. Tanda sokongan dan simbolik hasil kerja tangan wanita Melayu Terengganu, baginda mengarahkan Tengku Muhammad Ariffin membawa sepasang kain songket untuk dihadiahkan kepada Ratu Victoria. (Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, 2009). Pentadbiran politik dan persempadanan kenegerian sehubungan ini telah memantapkan hubungan antara golongan pemerintah dan rakyat. “*Sense of Belonging*” atau rasa kekitaan ini tidak semestinya terbentuk dalam kadar yang sama dalam semua daerah, faktor geografi dan sejarah, namun menerusi tanggungjawab dan pengaruh dari atas ke bawah iaitu daripada pemerintah kepada rakyat, tutut membuktikan bahawa wujudnya jati diri dan kemajuan Terengganu dalam pelbagai aspek termasuk ekonomi. (Muhammad Abu Bakar, 2018). Oleh itu, galakan yang diberikan oleh sultan tertentu dengan membawa identiti dan era pemerintahan yang berbeza, memperlihatkan bagaimana seseorang sultan menjadikan tenaga kerja wanita dalam pembangunan ekonomi negeri. Walaupun kaedah ekonomi memfokuskan kerja tangan wanita sahaja, namun hasilnya berjaya memberikan sumber pendapatan kepada wanita ketika itu.

KESIMPULAN

Kemajuan sesuatu kelompok masyarakat Melayu mampu diukur berdasarkan kepada kegiatan ekonomi yang dilakukan oleh mereka untuk menampung keperluan hidup. Pada peringkat awal, terbentuk seolah-olah satu sempadan antara masyarakat yang menjalankan aktiviti perikanan dan aktiviti pertanian sekitar abad ke-18. Walau bagaimanapun, setelah institusi kesultanan mula memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan ekonomi masyarakat, terbentuk secara perlahan-lahan perubahan ekonomi dalam kalangan mereka pada ketika itu. Sultan Baginda Omar merupakan antara pemerintah yang cukup sinonim dalam mengharumkan ekonomi Terengganu pada ketika itu. Tindakan baginda dalam memajukan kegiatan perusahaan ternyata memberikan kesan yang cukup mendalam sehingga Terengganu digelar sebagai “*Birmingham of the Peninsula*” oleh orang barat kerana kejayaan Terengganu menghasilkan pelbagai produk kraftangan. Pengiktirafan tersebut bukanlah satu pengiktirafan biasa kerana tanpa kemajuan ekonomi yang baik dan maju, pasti Terengganu tidak akan memperoleh pengiktirafan tersebut.

Masyarakat Melayu meskipun majoritinya tertumpu di luar pusat modenisasi, namun didorong kesedaran tertentu, mereka masih berupaya memanfaatkan langkah-langkah yang telah dijalankan oleh golongan pentadbir negeri pada ketika itu. Walaupun unsur-unsur kemakmuran dan kemajuan sesebuah negeri diukur berdasarkan kepada jumlah penduduk, pendapatan negeri yang tinggi, tenaga kerja dan migrasi, namun di Terengganu sememangnya agak berbeza. Penilaian kemajuan Terengganu turut dinilai berdasarkan kepada kemahiran yang dimiliki oleh masyarakat dalam aktiviti perusahaan kerana melalui aktiviti perusahaan inilah secara langsung membuka ruang kepada pengusaha Melayu untuk menghasilkan komoditi yang bermutu tinggi.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, ternyata kegiatan perusahaan tangan telah pun menempa nama dalam kalangan masyarakat Melayu sebelum abad ke-20. Malah, corak-corak ekonomi perusahaan telah pun berkembang sepenuhnya sekitar abad ke-18 sehingga menjelang abad ke-19. Kesan daripada kewujudan kegiatan perusahaan dalam kalangan masyarakat Melayu secara langsung memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu pada ketika itu telah pun mengalami proses transisi yang agak ketara dalam perkembangan ekonomi negeri sebelum tercetusnya Perang Dunia Kedua.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan sejuta penghargaan dan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana telah memberikan sejumlah dana untuk menjalankan kajian mengenai pembuatan perahu di Terengganu di bawah geran FRGS-21 yang bertajuk “Pembinaan Model Lestari Warisan Teknologi Perahu bagi Meningkat Taraf Tukang Timbal sebagai Satu Kearifan Tempatan”.

RUJUKAN

- A Rahman Tang Abdullah. 2015. Transisi ekonomi dalam masyarakat Melayu: Ekonomi wang era permulaan kapitalisme di Tanah Melayu. *Jurnal Kinabalu* 21: 97-125
- Abdul Rahman Embong. 2012. Mengungkap sejarah kesultanan Terengganu, 1708-2008. Dlm. *Terengganu Merentasi Tiga Abad: Kesultanan, Politik, Ekonomi, Agama dan Budaya*, disunting oleh Abdul Rahman Embong. Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan.
- Aldershot, Gt. 1995. *Maritime Trade, Society and European Influence in Southern Asia 1600-1800*. Britain: Variorum Publication.
- Arba'iyah Mohd Noor. 2006. Naskah salasilah Sultan Omar dan salasilah Kesultanan Terengganu. Dlm. *Kesultanan Melayu Terengganu*, disunting oleh Rogayah A. Hamid & Mariyam Salim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arba'iyah Mohd Noor. 2012. *Persada Jauhari*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Buyong Adil. 1982. *Sejarah Trengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farid Mat Zain. 2007. *Islam Di Tanah Melayu Abad Ke-19*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd
- G. Hawkins. 1953. *Malaya*. Singapore: Government Printing Press Office.
- H.S. Barlow. 2009. Boats, boatbuilding and fishing in Malaysia. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 27: 478-485.
- Hanapi Dollah. 1985. Ekonomi politik Terengganu prakolonial: Satu analisis mencari feudalismnya. *Jurnal Persatuan Muzium Malaysia* 4: 57-67
- Hashim Musa, Rozita Che Rodi, Nur Amirah Che Soh & Nurul Ain Ahmad. 2014. Seminar Antarabangsa Psikolinguistik III (SEAPSIL III). Hotel Grand Margherita, Kuching, Sarawak, November 2014.
- Haziyah Hussin. 2006. Aktiviti seni dan budaya lampau: Penghasilan dan penggunaan tekstil di Alam Melayu dari sudut sejarah silam. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 33: 96-103
- Hill. 1949. Cargo boats of the east coast of Malaya. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 22(3): 23-42

- Hugh Clifford. 1986. *East Coast Etching*. Singapore: Straits Times Press.
- Hugh Clifford. 1992. Report of an expedition into Trengganu and Kelantan in 1895. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 13: 3-137
- Ibrahim Ahmad. 2012. 'Teknologi Perkapalan dan Legasi Pelayaran Melayu di Selat Melaka Pada Abad Ke-18 dan Ke-19', dalam Nazarudin Zainun, *Antropologi dan Sejarah dalam Kearifan Tempatan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- J. De. V. Allen. 1968. Sultan Zainal Abidin III. *Malaysia In History* 12(1): 3-21
- J.M. Gullick. 1987. *Malay Society in the Late Nineteenth Century: The Beginnings of Change*. Singapore: Oxford University Press.
- Khoo Kay Kim. 1974. Kuala Terengganu: International trading centre. *Malaysia in History* 17(2): 1-14
- M.C ff Sheppard. 1969. Traditional Malay house form in Trengganu and Kelantan. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 42(2): 20-45.
- Majalah Dewan Ekonomi*, Jun 2012.
- Majalah Sinar Zaman*, Bilangan. 4, No. 1-8, 10-12, Januari-Ogos dan Oktober-Disember 1975.
- Mardiana Nordin. 2015. *Penyelidikan Sejarah, Sumber-Sumber Sejarah dan Bidang-bidang Di dalam Kajian Sejarah*. Seminar Kaedah dan Penulisan Sejarah. Jabatan Sejarah Universiti Malaya.
- Mohamed Anwar Omar Din & Nik Anuar Nik Mahmud. 2009. *Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*. Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan.
- Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud. 2009. *Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*. Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan, 2009.
- Mohd Fadzilah Kamsah & Muhammad Zakaria. 2008. *Langkah Bijak Usahawan Terbilang*. Kuala Lumpur: Penerbitan Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Mohd Firdaus Abdullah & Arba'iyah Mohd Noor. 2020. Pembangunan bekalan air domestik di negeri Kedah, 1957-1992. *Kajian Malaysia* 38(95): 89-113
- Mohd Yusof Abdullah. 1985. Perahu Besar Terengganu. *PESAKA III*: 1-40.
- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin&Norhayati Haji Hamzah. 2018. Perkembangan Islam Di Kelantan: Analisis Terhadap Manuscrip Sejarah Negeri Kelantan. *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil. 13 (2).
- Mohd. Taib Osman (eds). 1989. *Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mubin Sheppard. 1972. *Malay Decorative Art and Pastime*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mubin Sheppard. 1980. *Mekarnya Seni Pertukangan Malaysia*. Kuala Lumpur: Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd.
- Muhammad Abu Bakar. 2018. Minda Orang Melayu', dalam Muhammad Abu Bakar (ed), *Orang Terengganu; Asal Usul, Arus Hidup dan Arah Tuju*. Kuala Terengganu: Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1991. *Terengganu Darul Iman: Tradisi Pensejarahan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Yusnita Nik Ahmed. 2015. Sumbangan Che Su dan keluarga kepada pembangunan perusahaan batik di Kelantan. Disertasi Ijazah Sarjana Sastera Pengajian Warisan. Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Norazilawati Abd Wahab et al. 2021. Perkembangan kegiatan perusahaan dalam kalangan masyarakat Melayu di Terengganu, 1900-1941. *SEJARAH: Journal of the Department of History* 30(2): 19-43.
- Norazilawati Abd Wahab et al. 2022. Itqan al-Muluk bi Ta'dil as-Suluk: The implication of Terengganu Institution 1911 promulgation. *Journal of Al-Tamaddun* 17(2): 25-38
- Norazilawati Abd Wahab et al. 2022. Penglibatan wanita Melayu dalam memperkasa sosioekonomi dan kesejahteraan hidup menerusi penanaman padi di Terengganu pada awal abad 20. *Akademika: Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities* 92(3): 117-131
- Norazilawati Abd Wahab et al. 2023. Tukang timbal: Kebijaksanaan akal dan teknologi tradisional dalam pembuatan perahu di Terengganu, 1900-1941. *SEJARAH: Journal of the Department of History* 32(1): 46-70.
- Nurdiyawati Abidin & Adnan Jusoh. 2021. Kesan pemerintahan kolonial terhadap kegiatan ekonomi masyarakat Melayu di Melaka hingga era kemerdekaan. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 5(2): 29-46
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. 2008. *Kilauan Tembaga*. Kuala Lumpur: Penerbitan Come See Concept Sdn. Bhd.
- Pisol Maidin. 2003. Tukang timbal membina perahu: Tradisi dan inovasi. *SARI: Jurnal Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu* 21: 39-56
- Shaharil Talib Robert. 1977. The Terengganu ruling class in the late nineteenth century. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 50(2): 5-15
- Shaharil Talib. 1979. *Pemerintahan dan Rakyat di Terengganu 1881-1942: Suatu Kes Sejarah Petani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaharil Talib. 1985. *After Its Own Image: The Trengganu Experience 1881-1941*. Singapore: Oxford University Press.
- Sharom Ahmat. 1984. Tradition and change in a Malay state: A study of the economic and political 1878-1923. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 12: 224.

- Siti Rahmah Mohd. Noor. 1977/1978. Sejarah perkembangan ‘Cottage Industries’ di Trengganu dari abad ke-18 hingga ke tahun 1970-an. Disertasi Ijazah Sarjana Muda. Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Syed Husin Ali. 2008. *Orang Melayu Masalah dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: IDID Supply & Services.
- Syed Husin Ali. 1968. Patterns of rural leadership in Malaya. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 41(1): 95-145
- Uqbah Iqbal et al. 2015. Sejarah perkembangan ekonomi Semenanjung Tanah Melayu dan sifat ekonomi masyarakat Melayu era pra-kolonial. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 3(2): 95-119
- W. Earl. 1971. *The Eastern Seas*. Singapura: Oxford Universiti Press.
- Wan Hashim Wan Teh. 1990. Perkembangan perusahaan kraftangan Malaysia kini. *Jurnal Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu (SARI)* 8: 31-45.
- Zubaidah Shawal. 1985. Sepintas lalu mengenai tenunan Melayu. *Jurnal Persatuan Muzium Malaysia* 4: 23-27.

REKOD KOLONIAL OFFICE (CO)

- Annual Report Social and Economy Progress of the People of Trengganu for the Year 1933
- CO 840/1 (*Terengganu Administration Report, 1910-1930*)
- CO 840/2 (*Terengganu Administration Report 1931-1940*),
- CPR/ M 339 (74), Agricultural Department-MAHA Magazine 1927-1941.
- The Malayan Agri-Horticultural Association (MAHA), The MAHA Magazine, Volume XI, No 1-4, 1941.

KOLEKSI SURAT PERSENDIRIAN (SULTAN BAGINDA OMAR)

- SP 6/8, Koleksi Surat-surat Baginda Omar Terengganu.
- SP 6/39, Koleksi Surat-surat Baginda Omar Terengganu, Permohonan Mendapatkan Perahu.
- SP 6/39/2, Koleksi Surat-surat Baginda Omar Terengganu, Urusan Pembelian Perahu.
- SP 6//39/58, Koleksi Surat-surat Baginda Omar Terengganu, Raja Muda Kelantan Berkehendakkan Perahu.
- SP 6/52, Koleksi Surat-surat Baginda Omar Terengganu, Permohonan Mendapatkan Kayu di Kemaman.

WAWANCARA

Wawancara dengan Encik Mohd Arifin bin Muda, Ketua Bahagian Pendaftaran (Penolong Kurator), Lembaga Muzium Negeri Terengganu, 25 Mac 2013.

Wawancara dengan Haji Abdullah bin Muda (Pengusaha Perahu Melayu), Kampung Chendering Kuala Terengganu, 27 Ogos 2012.

Wawancara dengan Haji Mohd Yusof Abdullah, Pengarah Muzium Negeri Terengganu, 16 April 2013.

Wawancara Ali@ Abd Razak bin Muda Merupakan Tukang Timbal Bertempat di Bengkel Perahu Kampung Pulau Rusa pada 27 Jun 2022

Norazilawati Abd Wahab

Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan (FUPL)

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Email: norazilawatiwahab@unisza.edu.my

Ruzaini Sulaiman@Abd. Rahim

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan

Universiti Malaysia Terengganu

Email: ruzaini@umt.edu.my

Arba'iyah Mohd Noor

Jabatan Sejarah,

Fakulti Sastera dan Sains Sosial,

Universiti Malaya

Email: arbaiyah@um.edu.my

Mohd Firdaus Abdullah (corresponding author)

Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa,

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: mfa@ukm.edu.my